



**RM200,000 imbuhan tambahan pemenang pingat Olimpik**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bersama atlet Olimpik negara yang tiba dari Rio di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam. **Ms.54,55**

KRITA HARIAN 25/8/2016 P.1

FOTO HASRIYASAH SABUDIN / BH

→ **SUKAN**



FOTO MOHD FADLI HAMZAH / BH

Najib bersama isteri, menyambut kepulangan atlet Olimpik Rio 2016 di Kompleks Bunga Raya, KLIA, semalam.

**Imbuhan tambahan RM200,000**

→ Pemenang pingat perak akan membawa pulang keseluruhan sebanyak RM500,000 manakala pingat gangsa RM300,000

**Irwan Shafrihan Ismail**  
irwansha@bh.com.my

↳ Sepang

**W**ira dan wirawati negara yang meraih pingat perak dan gangsa di Olimpik Rio 2016 mendapat 'durian runtuh' apabila kerajaan bersetuju memberi imbuhan tambahan sebanyak RM200,000.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, berkata setiap pemenang pingat perak akan membawa pulang keseluruhan imbuhan berjumlah RM500,000 manakala pingat gangsa RM300,000.

Beliau berkata, biarpun negara gagal meraih kilauan emas pada edisi Olimpik kali ini, setiap atlet tetap dianggap sebagai wira di mata rakyat.

"Hari ini adalah hari teristimewa bagi rakyat Malaysia yang menerima kepulangan skuad Malaysia dari Olimpik Rio, sambutan diberikan cukup hebat dan luar biasa. Walaupun kilauan emas tidak dalam genggamannya tetapi kita sudah mencatat kejayaan terbaik dalam sejarah penyertaan negara di Olimpik."

"Kejayaan di Rio ini kita harap tidak terhenti di sini, jadikan ia sebagai asas untuk kita terus melangkah ke hadapan bagi mencapai lebih kejayaan pada masa depan."

"Saya yakin di Sukan Olimpik Tokyo 2020, apa yang menjadi buruan kita selama ini iaitu pingat emas mampu jadi milik negara," katanya ketika berucap pada majlis menyambut ketibaan Kontinjen Sukan Olimpik Rio 2016 di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

**1,000 peminat hadir**

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Kabinet. Kira-kira 1,000 peminat sukan tanah air terdiri daripada pelbagai bangsa berkumpul sejak jam 12 tengah hari untuk sama-sama menyambut ketibaan kontinjen negara yang diketuai Ketua Kontinjen Negara (CDM), Tan Sri Mohamed Al-Amin Abdul Majid. Turut serta dalam penerbangan pulang mengiringi atlet ialah Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Perdana Menteri berkata, 'post-mortem' bersama Khairy dan (Tan Sri) Mohamed Al-Amin akan diadakan bagi merancang bagaimana untuk memberi suntikan agar lebih banyak kejayaan dicapai dalam arena sukan negara.

Beliau juga mahu atlet negara mempunyai sikap dedikasi yang tinggi dalam sukan yang diceburi kerana ia adalah asas kejayaan

**Fakta nombor**

**60** KEDUDUKAN Malaysia pada Olimpik Rio 2016

**4** PERAK diperolehi atlet negara

**1** GANGSA diperolehi atlet negara

dalam mencipta nama di pentas dunia seperti yang dilakukan atlet ternama termasuk jaguh pecut dunia Usain Bolt.

**Pengalaman mendebarakan**

"Kalau kita hendak mereka berjaya, semuanya termasuk jurulatih, persepuluhan, sektor kerajaan dan rakyat Malaysia mesti berdiri teguh di belakang mereka serta melakukan apa yang termampu bagi memastikan kejayaan dicapai."

"Inilah komitmen kita supaya sukan berjaya, kita lihat saja di Kompleks Bunga Raya ini, inilah cerminan negara Malaysia dibelilah kaum, agama dan budaya yang berhimpun. Pada kita bukan soal warna kulit, etnik atau agama, mereka ini mewakili kita semua rakyat Malaysia," katanya.

Najib turut berkongsi pengalaman debarannya menyaksikan perlawanan bagi merebut pingat emas badminton antara Datuk Lee Chong Wei dan Cheng Long dari China di Dataran Putrajaya, Sabtu lalu.

"Berada di padang Putrajaya bersama isteri dan yang lain, saya cukup bersyukur, jantung saya masih kuat lagi, berdebar terutama sekali bila saat-saat akhir, walaupun kita tidak berjaya, kita begitu hampir memenangi emas," katanya.

**Anggaran imbuhan diterima pemenang pingat Olimpik Rio**

**PINGAT PERAK**

**1. Lee Chong Wei**  
Perseorangan lelaki badminton

- **SHAKAM:** RM300,000
- **SITO:** RM3,000 sebulan
- **BAM:** RM250,000
- **DRB Hicom:** Suprima S 1.6L Turbo Premium (RM79,900)
- **OSIM (M) Sdn Bhd:** Sofa Urut UDivia Klasik (RM7,988)
- **Orlando Holdings:** Seunit kondominium (RM1.5 juta)
- **Insentif Kerajaan Pusat:** RM200,000
- **Air Asia:** Penerbangan percuma ke semua destinasi selama 5 tahun

**Jumlah: RM2.3 juta**



**2. Goh V Shem-Tan Wee Kiong**  
Beregu lelaki badminton

- **SHAKAM:** RM300,000 (kongsi dua)
- **SITO:** RM3,000 sebulan (setiap seorang)
- **BAM:** RM375,000 (kongsi dua)
- **JL99 Group:** Dua unit rumah Lakepark Residence
- **DRB Hicom:** Suprima S 1.6L Turbo Premium (RM79,900 setiap sebuah)
- **OSIM (M) Sdn Bhd:** Sofa Urut UDivia Klasik (RM7,988 setiap satu)
- **Insentif Kerajaan Pusat:** RM200,000
- **Air Asia:** Penerbangan percuma ke semua destinasi selama 5 tahun

**Jumlah: RM3 juta**

**3. Chan Peng Soon/Goh Liu Ying**  
Beregu campuran badminton

- **SHAKAM:** RM300,000 (kongsi dua)
- **SITO:** RM3,000 sebulan (setiap seorang)
- **BAM:** RM375,000 (kongsi dua)
- **Kerajaan Pulau Pinang:** RM100,000 (kongsi dua)
- **Kerajaan Melaka:** RM50,000 (kongsi dua)
- **XOX Bhd:** RM60,000 (kongsi dua)
- **Pengasas Hunza Group Datuk Seri Khor Teng Tong:** RM50,000 (kongsi dua)
- **DRB Hicom:** Suprima S 1.6L Turbo Premium (RM79,900 setiap sebuah)
- **OSIM (M) Sdn Bhd:** Sofa Urut UDivia Klasik (RM7,988 setiap satu)
- **Insentif Kerajaan Pusat:** RM200,000
- **Air Asia:** Penerbangan percuma ke semua destinasi selama 5 tahun

**Jumlah: RM1.3 juta**



**4. Pandelega Rinong-Cheong Jun Hoong**  
Terjun 10 meter platform seirama wanita

- **SHAKAM:** RM300,000 (kongsi dua)
- **SITO:** RM3,000 sebulan (setiap seorang)
- **DRB Hicom:** Suprima S 1.6L Turbo Premium (RM79,900 setiap sebuah)
- **OSIM (M) Sdn Bhd:** Sofa Urut UDivia Klasik (RM7,988 setiap satu)
- **Insentif Kerajaan Pusat:** RM200,000
- **Air Asia:** Penerbangan percuma ke semua destinasi selama 5 tahun

**Jumlah: RM676,000**

**PINGAT GANGSA**

**1. Azizulhasni Awang**  
Basikal trek

- **SHAKAM:** RM100,000
- **SITO:** RM2,000 sebulan
- **Yayasan Sime Darby:** RM100,000
- **DRB Hicom:** Iriz 1.6L Premium (RM62,030)
- **OSIM (M) Sdn Bhd:** Peralatan mengurut UCares OSIM 3D dan pengurut kaki UPhoria Warm Osim (RM6,958)
- **Insentif Kerajaan Pusat:** RM200,000
- **Air Asia:** Penerbangan percuma ke semua destinasi selama 2 tahun

**Jumlah: RM469,000**